

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BELANJAWAN MADANI 2024: PRASARANA SAMBUT BAIK BELANJAWAN MADANI KEDUA BAGI PENAMBAHBAIKAN PENGANGKUTAN AWAM

KUALA LUMPUR, 13 Oktober 2023 – Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) selaku pengendali perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel, serta perkhidmatan bas di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kuantan, menyambut baik Belanjawan Madani Kedua yang dibentangkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim hari ini.

Di bawah belanjawan tersebut, Kerajaan membuat peruntukan bagi inisiatif pas bulanan My50 bagi pengguna pengangkutan awam yang akan memberi manfaat kepada hampir 180,000 pengguna.

My50 merupakan sebuah pas perjalanan tanpa had bernilai RM50 sebulan untuk rakyat Malaysia yang menggunakan perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana. Inisiatif ini bertujuan untuk mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam secara amnya.

Belanjawan ini juga memperuntukan sejumlah RM4.7 billion untuk menaik taraf projek LRT3 (LRT Laluan Shah Alam) dan juga sistem sokongan adalah satu berita baik bagi pengguna pengangkutan awam, khususnya bagi mereka yang berada di koridor barat Lembah Klang yang meliputi kawasan-kawasan dari Johan Setia, Klang ke Bandar Utama, Petaling Jaya. Ia bakal memberi manfaat kepada 2 juta pengguna di sepanjang koridor berkenaan.

Peruntukan tersebut akan digunakan bagi mengembalikan semula lima (5) stesen yang ditangguhkan pembinaannya sebelum ini, iaitu stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik. Pengembalian stesen-stesen ini dijangka mampu menambah baik kesalinghubungan perkhidmatan LRT3. Selain itu, peruntukan ini juga merangkumi perolehan tiga (3) set tren tambahan, penambahbaikan sistem sokongan dan perluasan depoh sedia ada di Johan Setia.

Perolehan 150 unit bas elektrik dan pembinaan tiga (3) depoh bas oleh Prasarana dengan kos RM600 juta ringgit bagi menyediakan kemudahan batuan pertama dan terakhir (*First Mile Last Mile*) untuk projek LRT3 adalah langkah menyokong pelepasan karbon sifar bersih.

Prasarana juga menyambut baik inisiatif-inisiatif lain bagi sektor pengangkutan awam, untuk manfaat rakyat Malaysia secara keseluruhannya yang selari dengan agenda memartabatkan pengangkutan awam.

Ini bukti bahawa Kerajaan Madani amat prihatin dengan kebajikan dan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi 'Malaysia Madani'.

Pihak Prasarana Malaysia Berhad mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan di atas peruntukan dan kepercayaan yang diberikan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif pengangkutan awam untuk manfaat rakyat Malaysia.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Prasarana

1. En Adli Abdul Karim 014-3303464
2. En Mohd Sofian Hilmi, 019-4601110